



## UPM Struktur Semula Program Bachelo Pengajian Pengguna



*President Financial Planning Association of Malaysia, Wong Boon Choy (kiri) bertukar dokumen dengan Datuk Naib Canselor, UPM.*

**SERDANG, 18 Januari** – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menstrukturkan semula modul program Bachelo Pengajian Pengguna (BPG) yang ditawarkan oleh Fakulti Ekologi Manusia (FEM) bagi mempertingkatkan kualiti pengajaran program berkenaan.

Naib Canselor, UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata program ini akan menawarkan tiga subjek minor iaitu Kewangan Pengguna, Advokasi dan Pendidikan Pengguna dan Produk Pengguna.

“Penstrukturkan program pengajian ini telah memenuhi keperluan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) serta Jabatan Pengurusan Pengajian Tinggi (JPIPT) di mana 47% daripada kurikulum adalah berkaitan konsep dan teori, 15% kemanusiaan dan 38% kemahiran,” katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPM dengan Financial Planning Association of Malaysia (FPAM).

Katanya hasil perbincangan FEM dengan pihak FPAM mendapati program Pengajian Pengguna dengan minor Kewangan Pengguna menepati keperluan sebahagian daripada pensijilan Certified Financial Planner (CFP).


“Terdapat empat modul daripada tujuh modul bagi pensijilan CFP yang ditawarkan oleh FPAM terkandung di dalam kurikulum BPG,” katanya.

Presiden FPAM, Wong Boon Choy berkata dengan adanya persefahaman itu secara tidak langsung kedua-dua pihak dapat memberikan kerjasama dalam pembelajaran serta perkongsian ilmu dalam industri berkenaan.

“Persijilan CFP dapat meningkatkan bilangan pemegang CFP di dalam negara serta memberi peluang kerjasama yang boleh memberikan impak ke arah pengukuhan bidang perancangan kewangan di Malaysia dan wilayah serantau,” katanya.

Pada masa kini, UPM giat mempromosikan serta berkongsi ilmu pengetahuan, kepakaran, aset fizikal terutama yang berkaitan dengan bidang kepakaran yang dimiliki oleh UPM dengan masyarakat umum.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Prof. Madya Dr. Laily Paim.



*Naib Canselor, UPM (kanan) menerima cenderahati daripada Presiden Financial Planning Association of Malaysia, Wong Boon Choy (kiri).*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Noor Eszereen Juferi 03-89466013)**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia